

# Rafidah enggan ulas isu AP

BH - 7/7/2005

**K**UALA LUMPUR: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, enggan mengulas mengenai isu Proton ketika ditemui pemberita di pejabatnya, di sini, semalam.

Wartawan, jurugambar dan jurukamera media tempatan menunggu beliau sejak tenga hari semalam bagi mendapatkan komennya mengenai Proton, terutama berhubung kenyataan penasihat syarikat itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, antara lain mengenai isu kelulusan bagi permit import (AP) kerana kementeriannya bertanggungjawab mengeluarkan dokumen itu.

Dr Mahathir mendakwa bahawa daripada 67,000 AP yang dikeluarkan tahun lalu, hanya 12,600 diberi kepada 82 syarikat lagi manakala se-

banyak 54,000 lagi AP diberi kepada 20 syarikat.

Bekas Perdana Menteri juga memberi komen mengenai dakwaan penipuan perisytiharan harga kereta buatan Korea Selatan yang diimport ke Malaysia dan menyuarakan rasa terkejutnya mengenai harganya yang beliau sifatkan sebagai sangat murah.

Sementara itu, Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) berharap isu mengenai hala tuju dasar automotif negara serta pertikaian membabitkan Proton diselesaikan segera.

Malah, BBC sudah menubuhkan satu jawatankuasa kerja berhubung perkara itu dan menemui pihak yang terbabit untuk mendapat penjelasan termasuk daripada Dr Mahathir, kata Pengerusi BBC, Datuk Shahrir Abdul Samad.

“Minggu lalu kita sudah bertemu dengan syarikat vendor Proton dan Perodua. Minggu ini, kita akan berbincang dengan Proton sendiri bagi mendapatkan input dan sedang berusaha menetapkan tarikh untuk berjumpa Dr Mahathir,” katanya ketika di lobi Parlimen di sini semalam.

Mengenai isu sama, Setiausaha Agung Pas, Datuk Kamarudin Jaffar pula meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) segera menyiasat terhadap ketidaktelusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam pemberian AP itu.

Pengerusi DAP dan ketua pembangkang, Lim Kit Siang, pula berkata beliau sudah menghantar notis kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk membawa usul Proton itu pada persidangan dewan hari ini.



“*Saya tiada apa untuk dikata, saya sudah memberitahu anda*”

**Rafidah Aziz**

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri